

0924

U B482 AAB
MAHATHIR - SKIM RRRR

I

KUALA LUMPUR, 28 JULAI (BERNAMA) -- MALAYSIA SEKARANG HENDAKLAH MEMIKIRKAN SECARA SERIUS MENGENAI SKIM INSURANS KESIHATAN UMUM SEBAGAI TAMBAHAN DAN AKHIRNYA MENGGANTIKAN PERKHIDMATAN PERUBATAN KERAJAAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+TANPA MENAFIKAN AKAN PENTINGNYA KEPERLUAN MENDAPATKAN PENJAGAAN KESIHATAN YANG BAIK, MAKA AMATLAH PERLU SATU SKIM KESIHATAN YANG MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH ITU DIADAKAN BAGI MEREKA YANG MAMPU,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA KOS RAWATAN PERUBATAN SEKARANG YANG TINGGI MENDAPAT PERHATIAN BERAT SEMUA PIHAK TERUTAMA KERAJAAN YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERUBATAN YANG MENYELURUH.

KEADAAN INI DISEBABKAN OLEH KOS YANG TINGGI BAGI PERALATAN PERUBATAN TEKNOLOGI MODEN YANG DIGUNAKAN UNTUK MENENTUKAN JENIS PENYAKIT DAN RAWATAN, KATA BELIAU SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT GABUNGAN SAINTIFIK ANTARABANGSA YANG KE-3 DI SINI.

MESYUARAT EMPAT HARI ITU ANJURAN KOLEJ PAKAR-PAKAR MALAYSIA, KOLEJ PENGAMAL-PENGAMAL PERUBATAN AM DAN DAN KOLEJ PHYSICIAN MALAYSIA. -- LAGI
1406MST 28 07 88

0925

U B483 AAB
MAHATHIR - SKIM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKHIDMATAN SEKARANG DIWARISI DARIPADA PENJAJAH, YANG ASALNYA BERTUJUAN MENAWARKAN RAWATAN PERCUMA KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI ASING.

+APABILA HARGA UBAT IALAH 10 SEN SEBOTOL, PERLUASAN PERKHIDMATAN PERCUMA INI MELIPUTI SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN DAN KEMUDIAN ORANG RAMAI, DIANGGAP TIDAK TERLALU MEMBEBANKAN KERAJAAN.

+TETAPI SEKARANG, APABILA HARGA SATU KAPSUL MUNGKIN \$3 SEMENTARA KOS PEMBEDAHAN BERIBU-RIBU RINGGIT, BEBAN ITU MENJADI TIDAK TERTANGGUNG,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI BERKATA MELALUI SKIM ITU, SEJUMLAH BESAR WANG DAPAT DIKUMPULKAN BAGI MENYELENGGARAKAN KEMUDAHAN DAN MENYEDIAKAN JAGAAN KESIHATAN BAGI SEBILANGAN BESAR RAKYAT.

TABUNG SEUMPAMA ITU MUDAH MENAMPUNG KOS UBATAN MODEN DAN JUGA MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH LANGKAH BERJIMAT YANG MERUPAKAN FAKTOR PENTING DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI DAN MEWUJUDKAN KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK BAGI SEMUA RAKYAT, TAMBAH BELIAU. -- LAGI
1409MST 28 07 88

0926

U B484 AAB
MAHATHIR - SKIM 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PERKHIDMATAN PERUBATAN BUKAN BERSIFAT SUMBANGAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN YANG KAYA SEKALIPUN BELUM TENTU DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN DOKTOR BAGI PERALATAN PALING MODEN TANPA MENGIRA KOSNYA.

+KAMI SEDAR BAHAWA MEREKA HANYA MEMIKIRKAN MENGENAI PESAKIT TETAPI KERAJAAN MEMPUNYAI KEUTAMAAN LAIN,+ KATA BELIAU.

MENGENAI SOAL MELANJUTKAN PELAJARAN DALAM BIDANG PERUBATAN, BELIAU BERKATA KERAJAAN SENTIASA MEMBERI PENEKANAN KEPADANYA DENGAN HOSPITAL DIGALAKKAN MENGANJURKAN PROGRAM PENDIDIKAN UNTUK KAKITANGAN MEREKA.

PARA DOKTOR DIBIAYAI BAGI MENGHADIRI PERSIDANGAN, SEMINAR DAN KURSUS KEPAKARAN YANG DIADAKAN, BAIK DI DALAM MAHUPUN LUAR NEGERI, DEMI MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN.

KETIKA DITEMUI OLEH PEMBERITA KEMUDIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DIIRINGI OLEH ISTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, BERKATA TERPULANGLAH KEPADA SEKTOR SWASTA UNTUK MELAKSANAKAN CADANGAN BAGI SKIM BERKENAAN. -- LAGI

1420MST 28 07 88

0930

U B488 AAB
MAHATHIR-SKIM 4 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SATU SOALAN PEMBERITA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MENGENDALIKAN HOSPITAL BAGI MENYEDIAKAN PENJAGAAN KESIHATAN PERCUMA KEPADA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH +TETAPI KITA TIDAKLAH BOLEH MENAWARKAN PERKHIDMATAN PERCUMA KEPADA MEREKA YANG MAMPU MEMBAYAR.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN TIDAK MENGENAKAN SEBARANG KUOTA BAGI PENUBUHAN HOSPITAL ATAU KLINIK SWASTA TETAPI KEPERLUANNYA BERGANTUNG KEPADA KEADAAN BEKALAN DAN PERMINTAAN.

KIRA-KIRA 200 PAKAR PERUBATAN DARI DALAM DAN LUAR NEGERI MENGHADIRI MESYUARAT ITU.

PARA PESERTA ANTARANYA IALAH PRESIDEN KOLEJ DIRAJA PAKAR-PAKAR BEDAH IRELAND (ROYAL COLLEGE OF SURGEONS IRELAND) DR DESMOND KNEAFSEY, PRESIDEN KOLEJ DIRAJA PENGAMAL PERUBATAN AM NEW ZEALAND (ROYAL NEW ZEALAND COLLEGE OF GENERAL PRACTITIONERS) DR BARRY GRIMMOND DAN NAIB PRESIDEN KOLEJ PENGAMAL PERUBATAN AM SINGAPURA DR KOH ENG KHENG.--BERNAMA

1430MST 28 07 88